

## **CUSTOM GRILL**

MUHAMMAD NAIM BIN ROSLI

08DPB18F1087

MUHAMMAD SYAHRIL JAMSYAH BIN JAMAL

08DPB18F1093

MUHAMMAD KAMIL BIN MOHAMAD NAWAWI

08DPB18F1052

MUHAMMAD KHAIRUL IKHWAN BIN SHARUDIN

08DPB18F1075

## **ABSTRAK**

*Custom Grill* merupakan satu idea produk inovasi yang bertujuan untuk memudahkan para peniaga yang menggunakan pemanggang dalam penyediaan masakan yang memerlukan pemantauan rapi serta masa yang lama untuk mendapatkan hasil masakan yang sekata. Penggunaan sumber bahan api iaitu arang kayu untuk memanggang adalah agak membahayakan keselamatan terutamanya dikalangan pengguna dan pelanggan. Objektif kajian ini adalah untuk menghasilkan satu alat pemanggang yang boleh laras dan efisien dari segi masa serta keselamatan pengguna ketika proses pembersihan alat pemanggang. Struktur Custom grill ini diperbuat daripada keluli karbon yang mengandungi jumlah karbon dengan sangat rendah ia mampu menampung berat sekitar 50 kilogram. Saiz alat ini ialah 95cm x 26.4cm x 79cm. Keistimewaan lain alat ini ialah ianya mempunyai penapis karbon dan boleh laras ketinggian secara automatik. Kajian penerimaan produk ini telah dijalankan kepada seramai 54 orang responden yang terdiri daripada peniaga pasar malam, kedai ikan bakar dan satay di sekitar Shah Alam, Selangor. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan Perisian Microsoft Excel 2013. Proses pengumpulan data dilakukan melalui kaedah kuantitatif (soal selidik) dan kaedah kualitatif (pemerhatian dan temubual). Hasil dapatan dianalisis dalam bentuk peratusan. Hasil kajian menunjukkan bahawa, 66.7% responden bersetuju menyatakan bahawa ketinggian yang boleh dilaras dapat memudahkan kerja memanggang. Dengan memastikan sama ada pemanggang yang diubah suai mampu meringankan dan memudahkan orang awam terutamanya para peniaga atau sebaliknya. Selain itu, pemanggang ini memainkan peranan yang penting dalam beberapa factor untuk memudahkan urusan peniaga seperti alat-alat sampingan antaranya roda, 'actuator', dapur gas dan penapis karbon. Kesimpulannya, dengan adanya Custom Grill ini dapat membantu para peniaga dalam menangani masalah yang dihadapi oleh pengguna.

Kata Kunci : Pemanggang, Laras, Efisien

## **ABSTRACT**

Custom Grill is an innovative product idea that aimed easier use for consumers to use grills in the preparation of making food that require close monitoring as well as a long time to get a consistent cooking result. The use of charcoal fuel resources for grilling is quite dangerous for consumer safety especially consumers and customers. The objective of this study is to produce an adjustable and efficient grill in terms of time and user safety during grill cleaning process. This tool is 95cm x 26.4cm x 79cm. The special features of other tools when using carbon filters and adjustable the height of grill automatically. A study of the acceptance of this product was conducted to a total of 54 respondents consisting of users of night markets, grilled fish and satay shops around Shah Alam, Selangor. The data obtained were analyzed using Microsoft Excel Software 2013. The data collection process was done through quantitative methods (questionnaires) and qualitative methods (observations and interviews). Findings are analyzed in percentage form. The results show that, 66.7% of respondents stated that the adjustable height can easy to use for grilling work. With the solution of whether the modified grill can lighten and use the public for the consumer or vice versa. In addition, this grill plays an important role in several factors for consumer use such as ancillary devices including wheels, actuators, gas stoves and carbon filters. In conclusion, with the presence of this Custom Grill can help users in the problems faced by users.

Keywords: Grill, Adjustable, Efficient